

e-Dinamik

MAJALAH DIGITALAKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025



اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَكِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.



Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.



DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor



PENAUNG

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT

Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS

Dr. Nur Fatimah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR

Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nurru Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad



EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman

Rohayu Ahmad

Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop

Dr. Nur Syamilah Arifin

Dr. Wan Munirah Wan Mohamad

Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani

Noorashiekin Khalid

Mazni Mat Zin

Nurrul Amilin binti Zainal Abidin

Nurulnatisya binti Ahmad

Ts. Dr. Siti Aminah Nordin

Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran

Mohamad Hanif Bin Awaludin



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PLUS TAHFIZ UiTM CJ

Nurul Badriyah Ali, Khadijah Amira Abdul Rashid, Nazrudin Hashim

Seramai 17 orang pelajar yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran, seorang pelajar yang menamatkan 25 juzuk dan dua orang pelajar lagi yang berjaya mencapai 22 juzuk diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Plus Tahfiz UiTM Cawangan Johor.

Majlis penyampaian disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Saunah Zainon, Menjalankan Fungsi Rektor dan turut dihadiri oleh Prof Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor. Pelaksanaan majlis ini merupakan simbolik bahawa program Plus Tahfiz yang ditawarkan di UiTM telah berjaya melahirkan mahasiswa huffaz al-Quran walaupun telah melanjutkan pengajian di universiti.

Inisiatif program ini bukan sahaja untuk melahirkan generasi pelapis profesional yang bertunjangkan al-Quran, bahkan merupakan satu sinergi antara ilmu dunia dan akhirat yang amat dituntut dalam membina sebuah masyarakat bertamadun.

Program ini adalah satu usaha holistik, merentas lebih 515 program akademik yang ditawarkan oleh 26 fakulti di seluruh 35 kampus UiTM. Program ini telah membuka ruang luas kepada para pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, sains kesihatan, seni bina, komunikasi dan banyak lagi sambil terus memelihara dan memantapkan hafazan Al-Quran mereka.

Visi program ini cukup jelas untuk melahirkan profesional Huffaz al-Quran yang cemerlang dalam bidang profesional, bukan sahaja dalam konteks Malaysia, bahkan di persada antarabangsa. Selain itu,

program ini juga merupakan salah satu peluang untuk memantapkan lagi hafazan dan pengamalan al-Quran sepanjang hayat.

Program ini menggunakan khidmat jurulatih tahfiz yang bertauliah yang dilaksanakan secara sistematik dan konsisten untuk memantau dan membimbing hafazan pelajar. Penyediaan program ini juga bertujuan memastikan hafazan para pelajar tidak terhenti hanya di peringkat sekolah, tetapi dibawa bersama dalam laluan pendidikan profesional yang lebih tinggi.

Plus Tahfiz menyokong hasrat dan visi universiti untuk melahirkan graduan holistik, yang bukan sahaja cemerlang intelektual, tetapi memiliki elemen rohani berteraskan nilai-nilai murni, dibentuk melalui pendidikan al-Quran. Usaha ini sekaligus menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengangkat pembinaan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Keseluruhannya, program Plus Tahfiz membuktikan bahawa kecemerlangan dunia dan akhirat tidak pernah bertentangan. Bahkan, keduanya saling melengkapi. Dalam dunia yang semakin mencabar dan sarat dengan ujian nilai dan etika, para pelajar ini mampu menjadi contoh bahawa al-Quran tetap menjadi panduan dan amalan dalam mengejar kecemerlangan profesional.

